

18/10/2001

Belanjawan dijangka galak permintaan domestik

Saidon Idris

SERANGAN berani mati pengganas terhadap Amerika Syarikat, 11 September lalu, menimbulkan satu lagi krisis kepada ekonomi Malaysia.

Umumnya kesan krisis kali ini menyamai krisis kewangan 1997-1998, iaitu menjejaskan pertumbuhan ekonomi, sekali gus menafikan peningkatan pendapatan rakyat tetapi asasnya berbeza.

Oleh itu, pendekatan menanganinya juga tentu tidak sama seperti digunakan ketika krisis kewangan lalu.

Mengimbas krisis kewangan yang berlaku kira-kira empat tahun lalu, ia bermula dengan serangan terhadap mata wang baht Thailand yang kemudian merebak ke negara lain di rantau ini, termasuk Malaysia.

Akibat serangan itu, nilai mata wang serantau termasuk ringgit, merudum. Kesan serta-merta keadaan itu ialah pengaliran besar-besaran dana ke luar negara bukan saja dana milik asing tetapi juga dana milik rakyat tempatan yang cemas kemungkinan nilai ringgit jatuh lebih teruk lagi.

Pengaliran keluar dana secara besar-besaran itu menyebabkan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh teruk.

Oleh kerana pengembangan syarikat korporat ketika kemuncak ekonomi kebanyakannya dibiayai pinjaman yang disandarkan kepada saham, kemerosotan harga saham menyebabkan syarikat terpaksa menokok nilai cagaran mereka.

Bagi syarikat yang tidak mampu, bank mengambil tindakan jualan paksa saham yang dijadikan sandaran itu. Keadaan diburukkan lagi oleh kenaikan kadar faedah yang menyebabkan kos pinjaman menjadi semakin tinggi.

Akibatnya, banyak syarikat yang diisytiharkan muflis dan diletakkan di bawah perlindungan Seksyen 146 Akta Syarikat. Pada masa yang sama, kegagalan syarikat membayar hutang turut menjejaskan kedudukan sektor perbankan dan kewangan.

Berikutan keadaan itu, ramai yang kehilangan pekerjaan, seterusnya memberi tekanan kepada perbelanjaan. Oleh kerana perbelanjaan penyumbang pertumbuhan ekonomi, pada 1998, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia menjunam ke paras negatif, iaitu -7.5 peratus.

Bagi mengelakkan kemelesetan berterusan, kerajaan mengambil tindakan pantas dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan tugas utama merangka strategi bagi menangani masalah yang melanda negara. MTEN kemudian mengeluarkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN).

Pelan itu menggariskan enam matlamat iaitu menstabilkan nilai ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan di pasaran kewangan, mengukuhkan asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosioekonomi dan memulihkan semula sektor yang terjejas teruk akibat krisis itu.

Bagi membolehkan masalah dalaman ekonomi ditangani dengan berkesan, melalui langkah fiskal dan kewangan, kerajaan mengambil pendekatan berani dengan melaksanakan kawalan modal.

Kerajaan juga menubuhkan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd dan Danamodal Nasional Bhd - dua agensi yang dipertanggungjawabkan menangani masalah hutang korporat serta kedudukan kewangan sektor perbankan.

Bagi menggiatkan semula kegiatan ekonomi yang lumpuh akibat kelemahan sektor swasta, kerajaan mengambil langkah fiskal dengan menyuntik dana tambahan ke dalam ekonomi melalui peningkatan dalam perbelanjaannya.

Kerajaan juga membantu memulihkan kedudukan kewangan syarikat dan menyokong perbelanjaan dengan mengamalkan dasar kewangan yang longgar dengan menurunkan kadar faedah.

Berikutan langkah yang dilaksanakan itu, ekonomi negara pulih pada tempoh singkat. Pada 1999, KDNK negara kembali positif dengan mencatat pertumbuhan 5.4 peratus, seterusnya 8.5 peratus tahun lalu.

Bagaimanapun, belum sempat Malaysia menikmati pemulihan yang diusahakan itu, ekonomi negara sekali lagi diancam kemelesetan berikutan kelembapan ekonomi Amerika.

Kelembapan itu bagaimanapun bertukar menjadi krisis selepas serangan pada 11 September lalu.

Berdasarkan unjuran sebelum serangan itu, ekonomi Malaysia tahun ini dijangka mampu mengekalkan pertumbuhan positif sekitar satu sehingga dua peratus dengan jangkauan kelembapan ekonomi Amerika mampu pulih pada tempoh suku tahunan keempat.

Tetapi berikutan serangan di Amerika itu yang kini merebak menjadi peperangan, unjuran itu mungkin sukar dicapai.

Bagaimanapun, bagi mengelak kemungkinan lebih buruk, kerajaan sudah mengambil langkah awal dengan menyuntik dana tambahan ke dalam perbelanjaannya tahun ini bagi membantu menggiatkan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan baru-baru ini mengumumkan pakej rangsangan RM4.3 bilion sebagai tambahan kepada dana RM3 bilion yang diumumkan Mac lalu.

Namun, berbanding krisis lalu, krisis kali ini mungkin lebih sukar. Ketika krisis 1997, penumpuan hanya terhadap sektor domestik kerana sektor luaran ketika itu kekal kukuh.

Berikutan itu, penyumbang utama pertumbuhan ekonomi pada 1999 dan 2000 adalah kegiatan eksport, terutama elektronik dan komoditi.

Namun, dalam krisis kali ini, keadaannya lebih buruk. Kedua-dua sektor luaran dan domestik turut terjejas.

Bagaimanapun, apa yang melegakan sedikit Malaysia ialah usaha yang dilaksanakannya ketika mengharungi krisis lalu berjaya mengukuhkan asas ekonominya.

Berikutan itu, strategi pemulihan ekonomi pada umumnya tidaklah begitu sukar, namun usaha pemulihan tidaklah mudah.

Oleh kerana sektor luaran berada di luar kawalan kerajaan kerana pemulihan eksport bergantung kepada secepat mana ekonomi Amerika dan dunia dapat melepaskan diri daripada belenggu kemelesetan, strategi utama kerajaan dalam mengharungi krisis kali ini adalah dengan menggalakkan sektor domestik.

Ekonomi Malaysia dapat diselamatkan daripada kemelesetan jika sektor domestik dapat meningkatkan lagi sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi.

Berikutan itu, ahli ekonomi dan percukaian menjangkakan teras Belanjawan 2002 yang bakal dibentangkan Dr Mahathir esok untuk menggalakkan lagi permintaan domestik.

Dalam hubungan ini, langkah yang dianggap paling berkesan, selain pakej rangsangan kerajaan ialah meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat bagi membolehkan mereka menambah perbelanjaan.

"Dalam meningkatkan perbelanjaan boleh guna ini, tumpuan dijangka diberikan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana kerana kecenderungan golongan ini untuk berbelanja apabila pendapatan meningkat adalah lebih tinggi berbanding golongan berpendapatan tinggi," kata Timbalan Dekan Sekolah Perakaunan Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Jeyapalan.

Sehubungan itu, beliau berkata, antara langkah yang dijangka diumumkan pada Belanjawan 2002 ialah pemotongan dalam cukai pendapatan individu dan meningkatkan tahap kumpulan pendapatan yang dikenakan cukai bagi membolehkan lebih banyak rakyat yang berpendapatan sederhana bebas daripada membayar cukai.

Beliau berkata, kerajaan juga dijangka mengumumkan penurunan dalam cukai

pendapatan korporat dan menjadikan insentif pelaburan semula lebih menarik.

Jeyapalan menegaskan, penurunan dalam kedua-dua cukai pendapatan individu dan korporat perlu dilakukan seiring bagi memastikan usaha meningkatkan permintaan domestik menjadi lebih berkesan.

"Tujuan menurunkan cukai korporat adalah menggalakkan syarikat melabur, sekali gus meningkatkan permintaan swasta, tetapi syarikat tidak akan melabur jika tiada permintaan tambahan. Oleh itu, usaha meningkatkan permintaan ini perlu dilakukan serentak.

"Di sini perlunya penurunan dalam cukai individu, iaitu bagi mewujudkan permintaan tambahan," katanya.

Beliau berkata, oleh kerana penurunan kedua-dua cukai itu akan mengurangkan pungutan cukai, kerajaan dijangka menampung pengurangan itu dengan meluaskan asas cukai perkhidmatannya, terutama bagi barangan dan perkhidmatan mewah.

Dalam pada itu, Jeyapalan yang juga Ahli Majlis Institut Percukaian Malaysia berkata, statistik pada 1990-an menunjukkan penurunan dalam cukai korporat sebenarnya meningkatkan kutipan cukai kerajaan dan KDNK dalam konteks ekonomi yang semakin berkembang.

Memberi contoh, beliau berkata, apabila kerajaan menurunkan cukai korporat daripada 34 peratus kepada 32 peratus pada 1994, pendapatan kerajaan meningkat 23.5 peratus manakala KDNK pula berkembang 9.2 peratus.

Pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis), Datuk Dr Zainal Aznam Yusof, turut menegaskan perlunya penurunan dalam cukai korporat dan individu dalam menggalakkan permintaan domestik.

"Menurunkan cukai pendapatan korporat dan persendirian begitu diharapkan sekali, memandangkan kelembapan yang lebih teruk, penurunan satu hingga dua peratus adalah sesuatu yang kerajaan perlu pertimbangkan dengan serius," katanya.

Di samping itu, katanya, lebih banyak perubahan dasar fizikal juga diharapkan di sebalik perubahan kewangan manakala penurunan kadar faedah boleh dilakukan bila-bila masa.

Naib Presiden Bahagian Percukaian See Hoy Chan Sdn Bhd, Abdul Hamid Mohd Hassan, pula berkata Belanjawan 2002 mungkin memberi tumpuan terhadap mewujudkan pekerjaan kepada siswazah menganggur bagi membantu meningkatkan permintaan domestik.

"Golongan seperti ini biasanya akan lebih ghairah berbelanja apabila memperoleh pendapatan," katanya.

(END)